



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SABTU, 24 APRIL 2021	
1	Takut disaman, Peniaga akur harga kawalan -Ada pasaraya masih jual ayam mahal
2	Penduduk risau dijangkiti penyakit anjing gila
3	Berisiko ditendang haiwan
4	Jual daging beku delemutkan antara helah naikkan harga -Tindakan undang peniaga ingkar SHMMP
5	Big intergrated poultry players less impacted by higher feed costs

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Takut disaman, peniaga akur harga kawalan

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
ahmadfadhlan@utusanmy.com.my

PETALING JAYA: Tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengugut untuk mengenakan saman terhadap peniaga yang ingkar Skim Harga Maksimum Musim Perayaan 2021 (SHMMP) membuat mereka akur.

Tinjauan *Utusan Malaysia* semalam mendapati, rata-rata peniaga menjual 12 barangan yang disenaraikan di bawah SHMMP termasuk ayam dan daging tempatan mengikut harga kawalan.

Di Pasar Selayang Baru, Selayang, Selangor, peniaga menjual ayam pada harga RM7.90 sekilogram manakala harga daging tempatan dijual RM28 dan RM34 sekilogram mengikut jenis seperti disyorkan SHMMP.

Seorang peniaga, Wilda, 29, berkata, dia tiada pilihan kecuali mengikut harga ayam yang ditetapkan walaupun sebelumnya menjual dengan harga yang agak tinggi berbanding harga disyorkan.

"Sebelum ini mereka (penguat kuasa) ada turun dan edarkan kertas senarai harga kawalan kepada peniaga di pasar ini. Kalau hendak fikirkan rugi, memang ada tetapi itu harga kawalan, jadi memang perlu ikut," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohamad Khairil Anwar, 28, berkata, mereka terpaksa akur dengan harga SHMMP walaupun tidak mendatangkan untung.

"Sekarang, jual RM34 (sekilogram) daging pun tak dapat apa kerana lembu mahal. Han-



TINJAUAN harga ayam di Pasar Moden dan Medan Selera Selayang baru, di Selayang semalam. - UTUSAN/SHIDDIQIIN ZON

ya boleh pusing modal sahaja," katanya.

Di Melaka, Pengarah KPDNHEP negeri, Norena Jaafar berkata, pematuhan peniaga di Pasar Besar Awam Melaka terhadap pelaksanaan SHMMP 2021 mencapai tahap 90 peratus.

Menurut beliau, 10 peratus lagi yang ingkar hanya berkaitan kegagalan peniaga mempamerkan harga barang kawalan menggunakan tag berwarna merah jambu.

Katanya, masih terdapat segelintir peniaga yang cuba memanipulasi peletakan harga siling dengan memberikan pelbagai alasan tidak munasabah.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kebanyakan peniaga mematuhi harga disyorkan melalui SHMMP.

Katanya, penguatkuasaan pemantauan harga kawalan dijalankan secara aktif terutama di sekitar Lembah Kelang, tetapi pihaknya masih lagi dalam proses mendidik peniaga.

"Bermula hari ini (semalam), kita memang sudah tidak bagi muka, tetapi semuanya masih di atas budi bicara. Budi bicara juga perlu ada batas kerana kita pentingkan pengguna.

"Kita ada jumpa kes yang jual lebih (daripada harga kawalan), tetapi masih lagi

dalam budi bicara penguat kuasa untuk menasihati dan kita harap mereka tidak ambil kesempatan.

"Sehingga pukul 2 petang (semalam), hanya seorang peniaga di Miri, Sarawak dikenakan kompaun RM100 kerana tidak meletakkan tanda harga, tetapi kita syak mungkin kerana ada hasrat untuk naikkan harga," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam, akhbar ini melaporkan KPDNHEP akan terus mengeluarkan notis saman terhadap mana-mana peniaga yang mengingkari skim SHMMP selepas memberi masa tiga hari untuk mereka menghabiskan stok lama.

Ada pasar raya masih jual ayam mahal

SHAH ALAM: Sebuah pasar raya di Seksyen 7 di sini semalam dikesan masih menjual ayam melebihi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan 2021 (SHMMP).

Tinjauan mendapati, peniaga di pasar raya tersebut menjual sekilogram ayam standard pada harga RM8.60 berbanding RM7.90 seperti ditetapkan dalam

SHMMP.

Selain ayam, didapati pasar raya itu menjual ikan kembung pada harga RM21 sekilogram berbanding RM13 yang disyorkan.

Kelmarin, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Selangor menerima satu aduan berhubung peniaga yang menjual barangan

melebihi harga disyorkan kerajaan.

Pengarahnya, Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, aduan orang awam itu diterima lewat petang melibatkan seorang peniaga di Pasar Seksyen 16 di sini.

“Awal pagi tadi (semalam) kita bertemu dengan peniaga terabit untuk menjalankan siasatan.

Peniaga terbabit mendakwa terlepas maklumat berhubung harga kawalan diumumkan kerajaan.

“Siasatan kemudian mendapati peniaga terbabit hari ini (semalam) telah mengikut harga kawalan seperti ditetapkan kerajaan,” kata beliau kepada *Utusan Malaysia*.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	forum	35

Penduduk risau dijangkiti penyakit anjing gila

SAUDARA PENGARANG,

SEJAK kebelakangan ini, semakin banyak anjing liar berkeliaran di sekitar Jalan Mas Utama, Taman Lagenda Mas di Cheras, Selangor.

Perkara ini bukanlah baharu, namun sejak kebelakangan ini jumlah haiwan berkenaan semakin bertambah yang boleh mengundang ketakutan dan bahaya kepada pejalan kaki serta penunggang motosikal.

Keadaan yang tidak selesa itu juga berbahaya kepada kanak-kanak yang bermain berhampiran kawasan perumahan.

Malah menyebabkan tong sampah yang diletakkan di luar rumah dan

deretan kedai bertaburan kerana diselongkar haiwan berkenaan.

Beberapa aduan pernah disuarakan kepada pihak berkuasa dan tindakan juga pernah diambil, namun masalah ini dilihat tidak ada penghujungnya.

Ini mungkin kerana ada penduduk di kawasan itu memberi makanan kepada anjing sehingga haiwan berkenaan selesa untuk terus berada di situ.

Justeru, diharap pihak berkuasa mengambil tindakan tegas agar perkara ini diatasi.

Jika lambat bertindak, ia boleh mengancam nyawa, lebih-lebih lagi sekiranya haiwan berkenaan menghidap penyakit anjing gila.

Bertindaklah segera, kerana penduduk risau, haiwan itu akan memberi ancaman kepada orang awam terutama kepada kanak-kanak yang keluar bermain bersendirian.



Beberapa aduan pernah disuarakan kepada pihak berkuasa dan tindakan juga pernah diambil, namun masalah ini dilihat tidak ada penghujungnya.”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24.04.2021	HARIAN METRO	LOKAL	30

30 www.hmetro.com.my

lokal

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Bachok

Kasihnya kepada haiwan peliharaan membuatkan wanita ini tekad menceburi bidang dipelopori kaum lelaki sejak dua tahun lalu.

Bagi Ayuni Syazwani Ismail, 28, kerja sebagai jurusuntik permanian beradas (AI) swalaku atau persendirian yang memasukkan baka lembu, kambing, kerbau dan biri-biri sesuai dengan jiwanya.

Menurutnya, kerjaya itu memberi masa depan cerah memandangkan tidak banyak persaingan dan ramai penternak memerlukan perkhidmatannya, lebih-lebih lagi kerja itu dilakukan bersama suaminya, Mohamad Hilmi Abdul Halim, 30.

Wanita berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hartanah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sri Iskandar itu berkata, hanya baka terpilih sahaja disuntik kepada haiwan termasuk lembu hibrid, kambing hibrid, kerbau dan biri-biri yang diimport kebanyakannya dari Perancis, Australia, Belgium, Ireland dan tempatan.

Ibu kepada seorang anak ini berkata, tugas memasukkan baka kepada haiwan peliharaan itu sangat mencabar namun dia tidak gentar untuk meneruskan demi masa depan.

"Ramai bimbang kerana kerja ini perlu berdepan dengan haiwan ternakan dan ada masanya tidak boleh menjangka perangai mereka.

"Ada haiwan garang dan berisiko sekiranya mereka menendang kita dari belakang, tetapi saya berserah kepada Allah SWT dengan segala kemungkinan demi mencari rezeki halal.

"Pernah suami saya kena tendang dengan lembu liar hingga pecah mulut namun pengalaman suami itu tidak mematahkan semangat saya," katanya ketika ditemui di Kampung Pak Elong, Jalan Rekan.

Menurutnya, walaupun kerjaya itu jauh lari daripada bidang pengajian, dia tidak pernah menyesal kerana dapat memberi khidmat kepada penduduk kampung mengembangkan lagi baka haiwan peliharaan.

Katanya, setakat ini dia bersyukur apabila pendu-

duk kampung berpuas hati dengan khidmatnya dan suami yang bergilir memasukkan baka ke dalam induk haiwan peliharaan mereka untuk memastikan ia berkembang.

"Tugas memasukkan baka memerlukan kepakaran dan ketelitian terutama perlu tahu waktu sesuai bagi memastikan haiwan berke- naan bunting selepas dimasukkan baka.

"Jika tidak kena masa, haiwan itu tidak akan bunting dan ia merugikan masa dan kewangan penternak kerana kos memasukkan baka adalah RM100.

"Walaupun kos berkenaan tidak mahal, penternak ini kebanyakan orang kampung, jadi mereka berharap benih yang dimasukkan itu menjadi.

"Satu kepuasan bagi saya dan suami jika benih dimasukkan menjadi dan dapat melahirkan baka besar serta berkualiti kerana mereka akan memperoleh keuntungan tinggi berikutan anak lembu hibrid baru dilahirkan

berharga lebih RM1,000 berbanding baka kampung bawah RM1,000," katanya.

Ayuni Syazwani berkata, untuk memahirkan diri dia perlu menjalani kursus bersama suaminya yang berpengalaman dalam bidang itu selama lapan tahun dan kursus anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebelum memperoleh sijil pada tahun lalu.

Katanya, walaupun baru setahun menceburi bidang itu, dia sudah me-

masukkan baka kepada lebih 200 ekor haiwan manakala suaminya memasukkan baka lebih 15,000 haiwan dengan purata 2,000 ekor setahun.

Katanya, kerjaya itu masih belum meluas kerana tidak ramai tahu ia boleh dijadikan sebagai satu pekerjaan yang memberi pendapatan lumayan, namun kepada mereka yang berminat boleh berminat ber-kursus dengan JPV.

**BERISIKO
DITENDANG
HAIWAN**

*Wanita belajar hartanah tak gentar ceburi
bidang jurusuntik permanian beradas*

"Saya berserah kepada Allah SWT dengan segala kemungkinan
Ayuni Syazwani

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24.04.2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	3

Jual daging beku dilembutkan antara helah naikkan harga

Melaka: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka mendedahkan pelbagai helah peniaga daging untuk menaikkan harga jualan, termasuk 'melembutkan' daging beku sebelum dijual sebagai 'daging segar'.

Pengarahnya, Norena Jaafar, berkata perkara itu dikesan pihaknya dalam pemantauan di Pasar Besar Melaka di sini, semalam.

"Dalam pemantauan tadi (semalam), kita dapati ada peniaga menjual daging kerbau pada harga RM22 sekilogram berbanding

daging harga ditetapkan, iaitu RM20.

"Alasan diberi ialah dia sudah 'melembutkan' daging kerbau itu yang asalnya daging kerbau beku.

"Pegawai penguat kuasa sudah memberi amaran dan sekiranya berulang, tindakan kompaun atau denda akan dikenakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melakukan pemantauan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021 di pasar berkenaan, semalam.

Beliau turut menasihati pe-

niaga supaya bijak dalam memilih pemborong bagi memastikan bekalan diperolehi pada harga rendah.

"Ada penjual ayam beri alasan terpaksa menaikkan harga sebab mendapatkan bekalan daripada pemborong atas pemborong dan juga faktor sudah kenal lama pemborong.

"Penjual sepatutnya boleh cari alternatif dengan mendapatkan bekalan lebih murah daripada peladang atau pemborong lain, dan mereka perlu bertimbang rasa dengan pengguna yang tertekan dengan kenaikan harga barang," katanya. BERNAMA

Penjual sepatutnya boleh cari alternatif dengan mendapatkan bekalan lebih murah daripada peladang atau pemborong lain, dan mereka perlu bertimbang rasa dengan pengguna yang tertekan dengan kenaikan harga barang

Norena Jaafar,
Pengarah
KPDNHEP
Melaka



Harga ayam naik

Tindakan undang-undang peniaga ingkar SHMMP

Peladang,
pemborong serta
peruncit sudah
ditetapkan
had harga

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tindakan undang-undang akan mula diambil ke atas individu yang mengingkari penetapan harga ayam berdasarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) dilaksanakan sejak 21 April lalu, seiring berakhirnya tempoh menyesuaikan harga.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pelaksanaan harga barangan itu dijalankan pada setiap peringkat bermula daripada peladang, pemborong dan peruncit.

"Harga maksimum sekilogram ayam yang ditetapkan pada peringkat peladang ialah RM5.80, pemborong RM7.10 dan diikuti peruncit pada RM7.90.

"Sekiranya pemborong menjual lebih mahal daripada RM7.10, ia melanggar peraturan dan tindakan undang-undang boleh diambil.

"Sekiranya semua pihak me-



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menandatangani plak sempena lawatan ke ECC dan KPDNHEP sambil disaksikan Alexander (kanan) dan Rosol (dua dari kanan) serta Hasnol Zam Zam di Putrajaya, semalam.

ngikut harga ditetapkan, tiada isu peruncit terpaksa menjual mahal sebab kita sudah hadkan harga di setiap lapisan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Amanat Perdana Menteri sempena Lawatan ke KPDNHEP dan Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Datuk Rosol Wahid dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Laporan sebelum ini menyebut, ada peniaga enggan menurunkan harga ayam kerana apa yang ditetapkan kerajaan sama dengan yang diambil pemborong.

Mereka mendakwa, langkah kerajaan menyekat kenaikan harga ayam tidak bersifat menyeluruh, sebaliknya membunuh masa depan golongan peniaga yang terhimpit ketika ini.

Sementara itu, Alexander berkata, Kementerian akan mengemukakan lebih 30 barangan tersebut dalam SHMMP secara berperingkat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24.04.2021	NEWS STRAITS TIMES	STARBIZWEEK	3

Big integrated poultry players less impacted by higher feed costs

By THOMAS HUONG
huong@thestar.com.my

POULTRY

LARGE poultry and integrated aggro-based groups such as Leong Hup International Bhd and QL Resources Bhd would still deliver decent earnings in 2021, despite the surge in the cost of raw materials used in chicken feed.

A poultry industry observer told *StarBizWeek* that size and integration enabled the large scale businesses to import feed input and conduct feed sales, which are expected to be profitable.

"Thus, the large player would have an advantage over the small scale farmers," he said.

MIDF Research analyst Ng Bei Shan concurs, saying: "Generally, poultry players with upstream segment will be less impacted by the surge in feed prices as they tend to be more integrated with their own feedmill operations. The higher feed cost will then be passed down to the farmers, and subsequently the wholesalers."

She points out that in this case, the wholesalers' margins may be squeezed due to the capping in price but that should be offset by higher demand due to the festive season.

"The profitability of the companies in different markets will be largely dependent on the selling prices in the respective markets. Overall, we think that poultry prices should look better compared to last year," opines Ng.

It was reported recently that in April, the price of chicken at markets in the Klang Valley had surged

by around RM1.50 to between RM8 and RM9 per kg.

Another bank-backed research analyst says that although the higher cost of raw materials for poultry feed would likely lead to higher working capital requirement to operate farms and reduced profitability on capital, Leong Hup and QL Resources would still deliver decent results year-on-year.

"These players are integrated and the bulk of their livestock segment revenue comes from feed sales, which operate on a cost mark-up basis. It is possible the feed sales would generate improved margins, as the inventory of feed that were bought at lower prices previously may be sold at a higher price when benchmarked against the current high prices," says the analyst.

The research analyst also believes the price increase of broilers (chickens raised for meat) across the region would be able to mitigate the negative impact from the poultry feed cost increase.

The analyst says the near-term outlook for the large-scale listed poultry companies is positive, as there are signs of recovery in social activities while the current undemanding share price valuations provide decent upside potential.

Recently, the Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia stated that the price of raw materials for poultry feed has risen at least 40% in the past one year, resulting in the higher cost

of chicken.

Its president Tan Chee Hee said the price of corn per tonne had gone up by 41.3% from RM950 in January 2020 to RM1,300 in March this year, while the price of soya bean meal per tonne had increased by 57.6% from RM1,650 to RM2,600 during the same period.

The price of palm oil – which is added to the feed – increased by 43.3% from RM3,000 to RM4,300 per tonne, said Tan.

"The corn and soya meal used to formulate the feed is also imported," he said, adding that the surge in prices began in August last year.

"This time around, it is different as the prices have been going up for eight months. We have never seen this before. I hope the rakyat can understand that farmers are having a hard time."

According to Tan, the cost of production for every kilogramme of live chicken is about RM6.

Meanwhile, a TA Securities Research report on the Malaysian poultry industry also notes that global prices of soybean and corn have picked up strongly since late August 2020, mainly due to strong China's demand for robust feed requirements in the swine sector.

However, the report forecasts that the tightness of market supplies could be relieved soon, as planting is underway in Argentina and Brazil and the harvest is expected to come into the market by May or June.

Also, according to the United States Department of Agriculture, American farmers are expected to

increase corn and soybean planted acreage by 5% in 2021, which may result in record annual production levels for corn and soybean.

"As for the 35% year-on-year (y-o-y) increase in soybean price and 22% y-o-y rise in corn price, we are not overly concerned as our back-of-envelope computation suggests that the double-digit increase in average selling prices (ASPs) of poultry products are sufficient in containing the higher commodity prices," says the TA Securities Research report.

The report also points out that based on a data set aggregated by Google, consumer mobility has begun to reverse towards the pre-pandemic level with visible improvement started since early February 2021.

As such, it is believed that ASPs of poultry products would improve this year following the successful rollout of Covid-19 vaccination programmes, which would quicken the recovery in economic activities including dine-in, corporate events and private functions.

"Moreover, from the supply perspective, we reckon small farmers with weaker financial health would have exited during the unprofitable period (in pandemic stricken 2020)," says the report.

TA Securities Research is also optimistic about earnings for Leong Hup and QL Resources in 2021, which it believe would be higher than 2019 or pre-pandemic levels, driven by higher products' ASPs alongside volume growth owing to their continuing investment and

market share expansion.

"An upswing of ASP would be a boon to earnings of poultry players, given that, ceteris paribus, the increase in ASP of livestock product flows directly to the bottom line," says the report.

The research unit also notes that while the government sets a price ceiling for live chicken and egg during festive period to minimise profiteering activities, the ceiling price set are typically high and remain attractive for poultry players.

"For instance, during Hari Raya 2020, the government imposed a 14-day ceiling price of RM5.20 per kg on live chicken and 36 sen per piece on Grade A egg. These ceiling prices are significantly higher than 2020 average of RM4.65 per kg and 33 sen per piece respectively."

Meanwhile, starting April 21 until May 20, 2021 the ceiling price for a standard chicken has been set at RM7.90 per kg under the Festive Season Maximum Price Scheme for Hari Raya 2021, according to Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee.

TA Securities Research estimates that Leong Hup and QL Resources would see 2021 y-o-y earnings per share (EPS) growth of 61.2% and 12.6%, respectively, underpinned by an expansion in net profit margin of 0.8% percentage points y-o-y (to 2.5%) and 0.2% percentage points y-o-y (to 6%) respectively.

The research unit says surpassing pre-pandemic earnings level against consumer peers is unique to Leong Hup and QL Resources.